

Normati arahan saya - Najib

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia

Oleh KHAIRUL ANUAR MOKHTAR

MENTERI Bella dan Sukan, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak, mahu Persekutuan Kebangsaan Lumba Basikal Malaysia (PKLBM) menghormati 'persetujuan damai 14 Februari' dengan menerima semula dua badan gabungan yang disingkirkannya, pada 28 September tahun lalu.

Menurut beliau, persetujuan menerima semula PLE Wilayah Persekutuan dan PLB Kelantan, yang dipersetujui di hadapannya itu mesti dihormati.

"Saya tetap berpegang teguh kepada persetujuan yang diberikan oleh PKLBM pada 14 Februari lalu. Bagi saya persetujuan itu sah dan perlu dihormati oleh semua pihak," kata beliau, yang juga Penaung PKLBM.

Antara persetujuan yang diberikan oleh PKLBM pada pertemuan itu ialah menerima kembali keanggotaan PLBWP dan PLBK yang sebelum ini digugurkan keahlian masing-masing semata-mata kerana lewat membayar yuran keahlian \$50.

Mereka juga bersepakat membatalkan hasrat menegakan tindakan disiplin ke atas sembilan lumba kebangsaan yang memulaukan latihan pusat di Ipoh.

Sembilan pelumba terabit ialah M Kumaresan, Rosman Alwi, Naair Mohd Noor, Tiew Cheng Hai, Mutalib Mydin, Najamuddin Mohd Zain, Khairul Fizal Hashim, Nor Affendi Rosli dan Haris Padihal Othman. Mereka kini berada di Melaka menjalani latihan peringkat kedua.

Kelanggataan

Di samping itu, PKLBM turut mengauk kepentingan pembabitkan semua PLE negeri dalam badan sukan kebangsaan untuk meningkatkan pencapaian dan membangunkan sukan negara.

Datuk Najib yang melawat tapak pembinaan Kompleks Sukan Bandaraya Kuala Lumpur di Bandar Tun Razak, semalam bagaimanapun enggan mengulas kemungkinan menaunk gelanggang lumba basikal Sukan SEA, dari Ipoh ke Kuala Lumpur.

Beliau, sekadar berkata Jawatankuasa Penganjur Sukan SEA sudah memutuskan la diadakan di Velodrom Rakyat, Ipoh.

Ketika membangkitkan persoalan itu, seorang wartawan memberitahu Datuk Seri Najib berhubung Piagam Persekutuan Sukan SEA (SGF) yang menyetyuh semua acara mesti diadakan di ibu negara tuan rumah.

Majlis SGF akan mengadakan mesyuarat untuk membincangkan persiapan terakhir Sukan SEA di Kuala Lumpur, pada 10 Mac ini.

Antara perkara yang akan diputuskan pada mesyuarat majlis itu nanti ialah mengenai gelanggang acara-acara Sukan SEA.

Filipina sebelum ini menyatakan hasratnya untuk membantah menjadikan velodrom di Ipoh sebagai gelanggang lumba basikal Sukan SEA, sedangkan sebuah lagi velodrom terdapat di Kuala Lumpur.

Sementara itu, beberapa ahli majlis PKLBM termasuk Omar Saad dan seorang lagi Naib Presiden PKLBM, Mohamed Musa, kurang senang dengan usaha pengumpulan orang dalam PKLBM yang semacam berusaha menaunk keanggotaan semula PLBWP dan PLBK.

Rosman Alwi dimasukkan ke wad kecemasan

Oleh MOHD SHAHAR HAJI AKASHAH

PELUMBA kebangsaan, Rosman Alwi, dipercayai menghidap sakit buah pinggang dan saluran kencingnya mengandungi batu karang, selepas dimasukkan ke wad kecemasan Hospital Besar Melaka, malam kelmarin.

Naib Presiden Persekutuan Kebangsaan Lumba Basikal Malaysia (PKLBM), Haji Abu Samah Abdul Wahab, berkata dia berkecemasan sihat ketika berlatih bersama rakan-rakannya di Lebuhraya Ayer Keroh-Pagoh.

"Ketika latihan sebelah petang, Rosman mendapat keabatan untuk berlatih seorang diri di bawah pengawasan jurulatih lain, bagi memantapkan daya pecutan di lebuhraya itu.

"Dia selepas itu kembali berlatih bersama pelatih-pelatih lain di Gelanggang Budaya untuk latihan sirkuit," katanya.

Haji Abu Samah berkata, ketika itu Rosman tiba-tiba kelihatan seperti tidak bernaam dan rebah. Dia segera dibawa balik ke bilik untuk berehat.

Pada malamnya, Rosman mengadu kepada ju-

rulatih bahawa air kencingnya berdarah ketika membuang air.

Pada kira-kira jam 10.30 malam, selepas Haji Abu Samah pulang ke rumahnya, Rosman mengadu kepada seorang rakannya yang dia sakit pinggang.

"Jurulatih yang ada ketika itu terus membawanya ke Hospital Besar Melaka pada malam itu juga dan dimasukkan ke wad kecemasan sehingga pagi tadi," katanya.

Beliau berkata, mengikut laporan pegawai perubahan hospital berkenaan, Rosman disyaki menghidap sakit buah pinggang dan saluran kencingnya mengandungi batu karang.

Rosman kemudian dibawa ke Kuala Lumpur berjumpa pegawai perubahan Majlis Sukan Negara, Dr Nordin Darus.

Sementara itu, Dr Nordin tidak dapat dihubungi untuk mengetahui keadaan sebenar Rosman Alwi.

Jaguh trek negara itu pernah menjalani pembedahan beberapa tahun lalu di Kuala Lumpur kerana menghidap hernia.



■ KUNJUNGAN BERMAKNA... Datuk Seri Najib Tun Razak (depan) dirilngi oleh Datuk Bandar, Datuk Elias Omar semasa lawatan di Velodrom DBKL, di Cheras.